

PANADOL CAPLET

500MG OPTIZORB FORMULATION

Parasetamol 500mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Panadol Caplet 500mg Optizorb Formulation
2. Bagaimana Panadol Caplet 500mg Optizorb Formulation berfungsi
3. Sebelum mengambil Panadol Caplet 500mg Optizorb Formulation
4. Cara menggunakan Panadol Caplet 500mg Optizorb Formulation
5. Semasa menggunakan Panadol Caplet 500mg Optizorb Formulation
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Panadol Caplet 500mg Optizorb Formulation
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Panadol Caplet 500mg Optizorb Formulation

Parasetamol melegakan sakit (analgesik) dan demam (antipiretik).

Untuk melegakan demam. Untuk melegakan sakit kepala, migrain, demam, sakit kerongkong dan sakit gigi.

Bagaimana Panadol Caplet 500mg Optizorb Formulation berfungsi

Parasetamol adalah ubat melegakan sakit dan demam. Fungsi mekanismenya dipercayai termasuklah penyekatan sintesis prostaglandin, terutamanya di dalam pusat sistem saraf.

Sebelum mengambil Panadol Caplet 500mg Optizorb Formulation

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini sekiranya anda alah kepada parasetamol atau kandungan lain dalam ubat

ini.

Jangan gunakan ubat ini jika anda mengambil mana-mana preskripsi atau bukan preskripsi ubat-ubatan lain yang mengandungi parasetamol untuk merawat kesakitan, demam, gejala sejuk dan selesema, atau untuk membantu tidur.

Jangan ambil Panadol Caplet 500mg Optizorb Formulation jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula mengambil

Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anda:

- Mempunyai masalah kerosakan hati atau buah pinggang
- kurang berat badan atau kekurangan zat makanan.
- kerap minum alkohol. Anda mungkin perlu untuk mengelakkan menggunakan produk ini sama sekali atau menghadkan jumlah parasetamol yang anda ambil. Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anda:
- Mempunyai jangkitan yang teruk kerana ini boleh meningkatkan risiko asidosis metabolik. Tanda-tanda asidosis metabolik termasuklah pernafasan yang panjang, pantas dan sukar, mual (rasa loya), sakit (muntah), hilang selera makan. Rujuk doktor dengan segera jika anda mendapat kombinasi gejala-gejala seperti ini.

Sila jumpa doktor atau ahli farmasi jika gejala berlarutan. REAKSI ALAHAN:

Parasetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk. Gejala boleh termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam. Ini mungkin tanda-tanda

keadaan serius. Jika tindak balas ini berlaku, berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Sesuai untuk ibu-ibu yang menyusukan bayi.

Sesuai untuk mereka yang menghadapi ulser perut.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anda mengambil warfarin atau ubatan yang serupa bagi mencairkan darah.

Sentiasa membaca dan mengikuti label.

Jauhkan ubat daripada kanak-kanak.

Tempoh maximum penggunaan berterusan tanpa nasihat perubatan: 3 hari.

Setiap kaplet 0.2% w/w sodium parabens yang mungkin menyebabkan reaksi alahan (tertunda).

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Seseengah ubat-ubatan dan produk ini boleh mengganggu satu sama lain.

Ubat ini mengandungi Parasetamol. Jangan mengambil sebarang ubat-ubatan lain yang mengandungi Parasetamol pada masa yang sama.

Cara menggunakan Panadol Caplet 500mg Optizorb Formulation

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa (termasuk warga emas) dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas: 1 hingga 2 kaplet diambil setiap 4 hingga 6 jam mengikut keperluan. Kanak-kanak 6 hingga 11 tahun: Tidak lebih daripada 4 dos dalam tempoh 24 jam.

Tempoh maksimum penggunaan berterusan tanpa

PANADOL CAPLET

500MG OPTIZORB FORMULATION

Parasetamol 500mg

nasihat perubatan: 3 hari.

Dos harian maksimum: 60mg/kg yang diberikan dalam dos berpecah 10-15 mg/kg sepanjang tempoh 24 jam.

Kanak-kanak 6 hingga 8 tahun: ½ kaplet (250mg).

Kanak-kanak 9 hingga 11 tahun: 1 kaplet (500mg).

Jangan melebihi dos yang dinyatakan.

Dos paling rendah yang diperlukan untuk mencapai keberkesanan harus digunakan. Jangan ambil lebih kerap daripada setiap 4 jam.

Dos harian maksimum: 4000mg. Ikuti semua arahan yang diberikan oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan mereka mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, minta bantuan doktor atau ahli farmasi anda.

- Bila perlu digunakan

Setiap 4 - 6 jam bila perlu.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaa ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika sakit berlarutan lebih 3 hari, sila jumpa doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dos berlebihan: Ikut sukatan yang disyorkan kerana dos berlebihan mungkin menyebabkan kerosakan hati. Jika disyaki atau terambil dos berlebihan, dapatkan rawatan perubatan serta merta kerana risiko kerosakan hati.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Panadol Caplet 500mg Optizorb Formulation

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Panadol Caplet 500mg Optizorb Formulation. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan melebihi dos yang disyorkan.

Jangan ambil lebih 4000mg Parasetamol sehari (usia 12 - Dewasa).

Jangan ambil lebih 2000mg Parasetamol sehari (kanak – kanak berumur 6-11 tahun). Tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah 6 tahun.

Jika sakit berlarutan lebih 3 hari, sila jumpa doktor atau ahli farmasi.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau

ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Panadol Caplet 500mg Optizorb Formulation dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Pastikan anda tidak mengambil ubat lain yang juga mengandungi Parasetamol pada masa yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Parasetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk. Gejala boleh termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam.

Kesan-kesan sampingan

Hentikan pengambilan ubat ini dan beritahu doktor atau ahli farmasi serta-merta jika:

- anda mengalami tindakbalas alahan seperti ruam kulit atau gatal-gatal, adakala beserta masalah bernafas atau bengkak bibir, lidah, tekak atau muka.
- anda mengalami ruam kulit atau pengelupasan atau ulser dalam mulut.
- anda pernah mengalami masalah pernafasan dengan aspirin atau ubat anti-radang tanpa steroid, dan mengalami tindakbalas yang sama dengan produk ini.
- anda mengalami lebam atau pendarahan yang tidak diketahui puncanya.

Tindakbalas ini jarang berlaku.

Reaksi hipersensitiviti kulit termasuk ruam kulit, angioedema, *Stevens Johnson Syndrome/Toxic Epidermal Necrolysis* telah dilaporkan.

Panadol Caplet 500mg Optizorb Formulation boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan

PANADOL CAPLET

500MG OPTIZORB FORMULATION

Parasetamol 500mg

segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan Panadol Caplet 500mg Optizorb Formulation

- Penyimpanan

Jauhkan daripada kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kaplet berbentuk kapsul "white to off-white", bersalut lapisan licin dengan tanda P pada satu permukaan dan "breakline" pada permukaan yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif

Parasetamol 500mg

- Bahan-bahan tidak aktif

Pregelatinised starch

Magnesium stearate

Carnauba wax

Calcium carbonate

Alginic acid

Crospovidone

Povidone (K-25)

Blend of Sodium Parabens

(Sodium Methyl Paraben 68 -

76% w/w; Sodium Ethyl

Paraben 13 - 18% w/w; Sodium

Propyl Paraben 8 - 13% w/w)

Colloidal silicon dioxide

Opadry White

Purified water

- Nombor MAL

MAL14055166XRZ

Pengilang

Sterling Drug (Malaya) Sdn. Bhd.

Lot 89, Jalan Enggang, Ampang / Hulu Kelang Industrial Estate, 68000 Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Haleon Malaysia Sdn. Bhd.

Lot 89, Jalan Enggang, Ampang / Hulu Kelang Industrial Estate, 68000 Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

05/05/2025

Nombor Seri

NPRA(R2/1)250418/1458